



SOALAN

Bagaimanakah hendak membezakan penggunaan **di** yang dijarakkan atau didekatkan dengan sesuatu perkataan?

Oleh: Md Hanim, P5, Sekolah Rendah Ai Tong



JAWAPAN

Biasanya **di** yang dijarakkan dipanggil kata sendi dan digunakan untuk merujuk tempat. Ayat contoh:

- Semua pelajar sekolah itu berhimpun **di** dewan.
- Kapal minyak itu berlabuh **di** Limbungan Kepple.
- Kucing itu tidur **di** bawah meja.
- Pegawai polis itu bertugas **di** Perhentian Keretapi Yishun.
- Kanak-kanak itu terjatuh **di** tebing Sungai Singapura.

Untuk pengetahuan anda, kata sendi **di** tidak boleh digunakan di hadapan kata keterangan waktu. Ayat contoh:

- **Di malam** itu, kami sedang berlatih silat. **(x)**
- Kami berangkat ke Malaysia **di malam** pertama bulan Ramadan. **(x)**
- Bulan mengambang **di waktu** malam. **(x)**
- Askar-askar itu berbaris dengan megah **di hari** kebangsaan itu. **(x)**
- **Di zaman** itu, rakyat Singapura hidup menderita. **(x)**

Di yang dicantumkan merupakan sejenis awalan. Biasanya kekata yang mengikuti awalan '**di**' itu berjenis kata kerja. Ayat contoh:

- Nasi lemak yang popular itu **dimasak** oleh Mak Kintan.
- Penjahat itu **dikejar** anjing saudagar kaya itu.
- Teka-teki yang **diaju** Cikgu Salim telah **dijawab** oleh Gani.
- Lelaki yang **ditahan** polis akan dibicarakan, pada hari esok.
- Lukisan yang dihasilkan oleh Sarkasi Said itu telah **dijual** kepada seorang hartawan.